

Khidmat kakitangan kerajaan sejak konsep BCA semakin meningkat

UM 3 NOV 1986

PERKHIDMATAN yang diberikan oleh kakitangan kerajaan sejak konsep BCA dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sejak tahun lalu semakin meningkat dari masa ke masa.

Di samping itu, kakitangan lebih berdisiplin dan mempunyai nilai-nilai yang baik, kata Timbalan Menteri Buruh, Datuk Wan Abu Bakar.

Bagaimanapun, katanya, ini tidaklah pula bermakna sebelum adanya konsep BCA, kakitangan kerajaan tidak mempunyai nilai-nilai yang baik, cuma ia tidak begitu ketara.

Beliau memberikan beberapa contoh untuk menguatkan kenyataannya itu, termasuklah:

• Surat-menyurat dari orang ramai dijawab dengan kadar yang lebih segera daripada sebelumnya.

• Kakitangan kerajaan patuh dengan waktu kerja. 'punch card' sebagai alat BCA sangat berkesan.

• Kakitangan kerajaan tidak lagi membuang masa di kantin-kantin.

• Rungutan daripada orang ramai berkurangan.

• Kakitangan berbudi bahasa dan sopan-santun.

Timbalan Menteri itu berkata, konsep BCA yang dijadikan garis panduan dalam perkhidmatan kerajaan harus dijadikan amalan dari masa ke masa. Kata beliau falsafah BCA itu sebenarnya sudah ada sebelum ini, cuma ia tidak dinyatakan dengan jelas atau tidak dijadikan konsep seperti sekarang ini.

Ditanya sama ada pemotongan elaun pegawai dan elaun lebih masa kakitangan peringkat rendah serta pembekuan jawatan sejak

1982 lagi, akan menjejaskan amalan BCA dalam pentadbiran negara, beliau menjelaskan:

"BCA hanyalah konsep, apa yang penting ialah pendirian seseorang individu. Walaupun tanpa elaun, jika dia mengamalkan sikap-sikap baik yang dianjurkan melalui konsep BCA yang selaras dengan kehendak Islam dan kebanyakan agama lain, potongan elaun dan pengurangan pendapatan tidak akan menjadi penghangat."

Lagipun, katanya, jumlah kakitangan kerajaan seramai 850,000 adalah terlalu besar dan selama ini mereka berpuas hati dengan kerja yang sedikit. Apabila tiba masanya bekerja lebih daripada kebiasaan, maka mereka terasa seolah-olah mereka kekurangan tenaga kerja.

"Inilah masalahnya, dulu mereka kerja sedikit dan begitulah mereka selama-lamanya dan bila sekarang beban mereka bertambah, sedangkan ia masih boleh dipikul, mereka kata jumlah kakitangan perlu ditambah, katanya.

Beliau memberi jaminan, kerajaan Barisan Nasional yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah negara ini akan terus memberikan perkhidmatan terbaik yang bersih, cekap dan amanah, bertanggungjawab dan bebas daripada penyelewengan, rasuah dan amalan syak-wasangka.

"Tidak ada kerajaan yang boleh hidup dengan amalan-amalan yang buruk, sebaliknya kita akan berikan perkhidmatan baik, seperti yang diharapkan oleh rakyat yang memilih kerajaan BN," katanya.